

25/11/1999

Bimbang muflis punca Harun tidak tanding

ARAU, Rabu - Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Dr Harun Din berkata, parti itu akan menghadapi masalah yang lebih besar jika beliau bertanding dalam pilihan raya umum kali ini.

Beliau berkata, tidak ada gunanya beliau dicalonkan oleh Pas jika selepas itu diisytiharkan muflis sehingga memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan.

"Kalau saya bertanding tetapi dikenakan tindakan mahkamah sehingga memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan, ia akan menjejaskan serta menjatuhkan semangat juang rakan-rakan lain.

"Oleh itu, lebih baik saya tidak bertanding tetapi tetap akan lawan. Langkah ini mungkin menimbulkan masalah tapi tidaklah besar," katanya ketika berucap di Jejawi Dalam, malam tadi.

Sebelum ini, Dr Harun dikatakan akan menentang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen Kubang Pasu atau Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tambun Tulang.

Bagaimanapun, pada hari penamaan calon Sabtu lalu, Pas menampilkan Ahli Jawatankuasa Pusatnya, Subky Abdul Latif di Kubang Pasu dan Ketua Dewan Pemuda Pas Perlis, Ismail Ahmad, di Tambun Tulang.

Pesuruhjaya Pas Perlis, Hashim Jasin, mengesahkan Dr Harun tidak bertanding dalam pilihan raya ini kerana masalah teknikal iaitu kemungkinan diisytihar muflis kerana menjamin pinjaman bernilai RM1.7 juta yang tidak dijelaskan.

Dr Harun berkata, beliau tidak menjelaskan pinjaman bank itu kerana beliau bukan pemiutang, selain soal kewangan yang tidak memungkinkan beliau berbuat demikian.

Katanya, walaupun beliau tidak bertanding, ia tidak menjejaskan semangat ahli Pas kerana mereka berjuang bukan kerana individu sebaliknya demi parti.

"Bila tidak bertanding, saya dapat pusing seluruh negara untuk membantu kawan-kawan lain, termasuk terus lawan di Kubang Pasu dan Tambun Tulang supaya calon Pas menang," katanya.

Ketika pemberita memintanya mengulas dakwaannya beliau membohongi dan mengkhianati penyokong Pas kerana menarik diri sebagai calon sehingga mengecewakan mereka, Dr Harun berkata:

"Selama ini, saya tidak pernah kata saya mahu bertanding tapi guna perkataan berlawanan, lawan idea pun satu perlawanan, lawan konsep pun perlawanan, lawan ceramah pun perlawanan. Saya katakan lawan bukan bertanding."

(END)